

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERUTUSAN SEMPENA TAHUN BARU 1991

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 31 DEC 1990

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera

Bersyukur kita kerana sekali lagi kita, rakyat berbilang kaum Malaysia, dapat menyambut ketibaan tahun baru dalam keadaan aman, stabil dan makmur.

2. Keadaan aman dan stabil serta kemakmuran yang kita semua nikmati bukanlah datang dengan sendirinya tetapi juga adalah kerana usaha gigih dan tekun yang telah sama-sama disumbangkan oleh rakyat berbilang kaum di negara ini. Walaupun ada usaha daripada segelintir orang-orang tertentu untuk membangkitkan perasaan perkauman dan memecah-belahkan perpaduan rakyat majmuk negara kita ini, usaha mereka tidak berjaya. Sebaliknya, kita dapat melihat semangat perpaduan, persefahaman dan keadaan harmoni semakin kuat di kalangan rakyat di seluruh negara.

3. Ini adalah petanda-petanda yang amat baik bagi negara kita kerana ia merupakan unsur-unsur jitu yang jelas akan membawa negara dan rakyat ke arah kemajuan yang lebih pesat lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan

4. Tahun 1990 berakhir pada hari ini. Tahun 1990 akan tercatat dalam sejarah negara kerana ia memperlihatkan berbagai-bagai peristiwa yang penuh bermakna bagi negara kita. Antaranya ialah berakhirnya tempoh satu rancangan sosio-ekonomi yang terbesar dan berani yang pernah dicubai oleh sebuah negara membangun.

5. Walaupun ada pendapat yang berkata Dasar Ekonomi Baru (DEB) gagal setelah genap 20 tahun perlaksanaannya tetapi sebenarnya kejayaan DEB adalah luarbiasa berbanding dengan lain-lain rancangan sosio-ekonomi yang dilaksanakan di seluruh dunia. DEB dirancang kerana terdapat keadaan tidak seimbang dalam kehidupan rakyat berbilang kaum di negara ini. Demikian juga dengan ideologi sosialis dan komunis yang kononnya bertujuan mengimbangkan kehidupan yang ketara tidak adil dalam masyarakat kapitalis di mana yang kaya terlalu kaya dan yang miskin terlalu miskin dan dihina. Kononnya jika pemerintah memiliki semua punca kekayaan -- maka pemerintah yang dikuasai oleh sosialis atau komunis akan mengagihkan kekayaan secara sama rata dan adil. Setelah berpuluh tahun berlalu bukan sahaja pembahagian yang

adil tidak tercapai, tetapi sebaliknya negara-negara komunis dan sosialis menjadi begitu mundur dan miskin berbanding dengan negara-negara pasaran terbuka dan perusahaan bebas atau free enterprise.

6. Di Malaysia kita amalkan sistem kita sendiri di mana yang perlu diusahakan oleh kerajaan diuruskan oleh kerajaan dan yang perlu diusahakan oleh orang ramai diusahakan oleh orang ramai. Dengan demikian, kita lebih berjaya mengagihkan kekayaan di antara kaum walaupun tidak sepenuhnya seperti yang dirancangkan. Tetapi yang lebih istimewa ialah semasa kita agihkan kekayaan ini ekonomi negara tidak terjejas bahkan tumbuh dengan pesatnya. Justeru itu, kita harus lebih yakin kepada kemampuan diri kita dalam membentuk dasar-dasar dan rancangan-rancangan dan melaksanakannya dengan cekap dan berjaya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Kepercayaan kepada diri sendiri penting kerana kita akan menghadapi banyak cabaran dalam dekad sembilan puluhan ini. Kita bukan sahaja perlu mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan mengagihkan kekayaan tetapi kita juga perlu mengekalkan pertumbuhan ekonomi kita di paras yang tinggi supaya kita dapat menjadi negara maju. Yakinlah dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala, kita boleh merancang dan menjayakan cita-cita kita untuk memberi kehidupan yang bahagia dan penghormatan kepada rakyat berbilang kaum di negara tercinta ini.

8. Sebenarnya kita amat bernasib baik. Kemungkinan kita mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kebahagiaan hidup kita adalah cerah. Jika kita perhatikan keadaan di negara-negara lain di seluruh dunia dan kita buat perbandingan, nyata sekali kita berada dalam keadaan yang amat baik untuk membangunkan negara kita.

9. Rakyat negara ini cintakan kestabilan dan keamanan. Kita tidak mudah merusuh di jalanraya-jalanraya jika kita menghadapi masalah. Kita tidak berminat menyelesaikan pertikaian perusahaan dengan cara yang memburukkan iklim pelaburan. Kita tertib dan patuh kepada undang-undang dan

10. Penerimaan konsep Persyarikatan Malaysia semakin meluas dan kerjasama yang baik wujud di antara kerajaan dan swasta. Kerjasama ini melicinkan lagi segala urusan pentadbiran dan perdagangan sehingga pertumbuhan ekonomi meningkat dengan pesat. Penswastaan menjadikan kegiatan yang dahulu satu beban dan merugikan negara, sekarang menguntungkan rakyat dan kerajaan.

11. Beban cukai telah dikurangkan tanpa menjejaskan pendapatan kerajaan. Secara langsung penurunan cukai menambah kuasa pembelian atau 'purchasing power' orang ramai. Ini adalah lebih bermakna daripada menambah pendapatan kerana tambahan pendapatan semata-mata tidak meningkatkan daya pembelian kerana harga barangan turut meningkat.

12. Di samping itu gaji kebanyakan pekerja sudah naik dan pengangguran tidak menjadi masalah lagi. Sekarang kerja mencari pekerja, dan bukan sebaliknya. Dengan permintaan untuk mendapatkan para pekerja meningkat, tawaran gaji tetap akan meningkat juga. Selagi daya pengeluaran dan ketertipan pekerja-pekerja kita baik, kenaikan pendapatan tidak akan membawa inflasi, yang di Malaysia hanya 4 peratus berbanding dengan 10 peratus hingga 20,000 peratus di sesetengah negara lain termasuk negara-negara maju. Mengejar inflasi dengan cara menaikkan gaji adalah cara yang akan memusnahkan ekonomi. Sebaliknya kenaikan gaji dengan meningkatkan daya pengeluaran adalah cara yang selamat. Yang penting bukannya jumlah gaji yang didapati tetapi banyak mana bertambahnya barangan atau perkhidmatan yang boleh dibeli dengan gaji yang didapati. Ada negara yang membayar pekerja gaji berpuluh ribu unit matawang sebulan tetapi jumlah wang yang banyak ini tidak pun boleh membeli barangan yang berharga ratusan ringgit di Malaysia. Apakah maknanya gaji tinggi tetapi nilainya rendah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Kita perlu kepada kefahaman yang mendalam untuk menghadapi cabaran dekad sembilan puluhan. Dengan keamanan dan kestabilan negara dan dengan kesanggupan semua pihak bekerja dengan tekun dan sabar, insya-Allah kita akan mencapai taraf hidup yang lebih baik lagi daripada sekarang. Peluang adalah terbuka bagi negara kita yang mempunyai sumber-sumber alam yang kaya, tenaga kerja yang baik, dan pentadbiran yang cekap dan beramanah untuk meningkat maju dengan lebih pesat lagi.

14. Bagi pihak Kerajaan pula, dasar-dasar baru yang akan mengimbangkan pembangunan semua kaum secara adil, dan membasmi kemiskinan akan digubal dan dilaksanakan dengan lebih teliti. Kita sudah mengenal-pasti kelemahan-kelemahan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru selama 20 tahun dan kita percaya kita boleh mengatasi kelemahan-kelemahan ini. Insya-Allah kita akan mengatasinya tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

15. Kewangan negara akan terus diurus dengan cekap dan cermat supaya setiap sen mendatangkan hasil kepada seluruh rakyat negara ini. Kerajaan akan terus melabur dalam infrastruktur yang diperlukan untuk proses industrialisasi negara serta kemudahan-kemudahan awam yang lain. Memandangkan bahawa keperluan wang untuk pentadbiran, infrastruktur dan kemudahan-kemudahan melebihi kemampuan Kerajaan, dan sebaliknya negara memerlukan asas-asas yang cukup untuk pertumbuhan negara, pihak swasta akan diberi lebih banyak peluang untuk membangun dan menguruskan kemudahan-kemudahan awam ini. Dengan ini wang Kerajaan boleh digunakan untuk membiayai kos pentadbiran kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Sama ada negara kita membangun dengan pesat dan menjadi maju terpulang kepada pemilihan kita. Semua asas sudah

berada di tempatnya. Jika kita hendak dan kita lakukan apa yang diperlukan, maka tidak syak lagi kita akan menjadi negara maju dalam masa yang lebih singkat daripada negara-negara membangun yang lain.

17. Ini memanglah cita-cita besar tetapi negara yang maju sekarang ini juga dahulunya mundur. Kerana usaha mereka yang gigih dan kesanggupan mempelajari daripada setiap kegagalan, mereka sekarang maju. Kita tidak kurang daripada mereka dalam apa-apa sifat semulajadi. Hanya yang diperlukan ialah keberanian bercita-cita besar dan bekerja kuat ke arah matlamat itu. Insya-Allah kita akan berjaya.

18. Oleh itu saya ingin menyeru kepada setiap rakyat Malaysia supaya membuat resolusi tahun baru untuk menjayakan negara yang tercinta ini, negara yang telah memberi banyak nikmat kepada kita semua. Mudah-mudahan dengan izin Tuhan akan tercapailah hasrat dan cita-cita kita untuk menjadi bangsa yang lebih bahagia dan mulia.

19. Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia dan berharap semoga tahun 1991 akan membawa kejayaan dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.